

21/10/04



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PEKELILING PENDAFTAR BIL. 26 TAHUN 2004**



Kepada  
Semua Ketua Bahagian/Pusat/Unit  
Dekan Fakulti  
Pengarah Kampus Cawangan

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan

**WAKTU BEKERJA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MEMPUNYAI ANAK-ANAK KURANG UPAYA**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat edaran bertarikh 30.8.2004 mengenai keputusan Kerajaan bahawa pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai anak-anak kurang upaya dibenarkan menggunakan Waktu Bekerja biasa sebagaimana yang diamalkan sekarang untuk menguruskan kebajikan dan keperluan anak-anak mereka. (Dilampirkan).

Dalam melaksanakan kemudahan ini, Ketua Jabatan bolehlah memberi kebenaran kepada pegawai berkenaan untuk menggunakan masa-masa tertentu yang diperlukan dalam Waktu Bekerja biasa mengikut kesesuaian masing-masing.

Pegawai yang berkenaan pula perlu memastikan supaya masa-masa yang digunakan itu diganti semula bagi tujuan untuk menyelesaikan tugas hakikinya supaya perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas.

Sehubungan itu, staf yang bercadang untuk menggunakan kemudahan ini bolehlah membuat permohonan secara bertulis dengan mengemukakan dokumen sokongan yang membuktikan mereka mempunyai anak-anak kurang upaya. Semua permohonan hendaklah dimajukan kepada Pendaftar setelah mendapat pengesahan dari Ketua Bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih

Yang benar

**Rabiah Latif**  
Pendaftar

- Surat Kami : 100-BPD(PKH.6/3) Jld.5
- Tarikh : 21 Oktober 2004
- Rujukan : JKK ke 65 pada 15.10.2004 (F2118)



Ruj. Kami : JPA(S)1619 Klt.11( 29 )

Tarikh : 30 Ogos 2004

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**WAKTU BEKERJA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM  
YANG MEMPUNYAI ANAK-ANAK KURANG UPAYA**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.


2. Selaras dengan keputusan Kerajaan mengenai perkara tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai anak-anak kurang upaya dibenarkan menggunakan Waktu Bekerja biasa sebagaimana yang diamalkan sekarang untuk menguruskan kebajikan dan keperluan anak-anak mereka.

3. Dalam melaksanakan kemudahan ini, Ketua Jabatan bolehlah memberi kebenaran kepada pegawai berkenaan untuk menggunakan masa-masa tertentu yang diperlukan dalam Waktu Bekerja biasa mengikut kesesuaian masing-masing. Seterusnya pegawai yang berkenaan perlu memastikan supaya masa-masa yang digunakan itu diganti semula bagi tujuan untuk menyelesaikan tugas hakikinya supaya perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas.

4. Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**( DATO' HAJI ABDUL HAMID BIN HAMAT )**  
Pengarah Bahagian Gaji Dan Elaun  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan